



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 September 2024
23 Rabiulawal 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• 12 tukun tiruan tingkatkan stok ikan Pulau Dodol
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• DOSM lengkapkan data pertanian
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
The Sun	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	9	27.9.2024

DOSM lengkapkan data pertanian

Daerah Jempol dan Rembau catat jumlah banci pertanian tertinggi di Negeri Sembilan

Oleh NOR FARHANA YAACOB
PORT DICKSON

Tempoh operasi banci pertanian yang beraki 14 hari begitu penting kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk melengkapkan proses pengumpulan data pertanian di peringkat hulu.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, sejak dilancarkan pada 7 Julai lalu sehingga 26 September 2024, DOSM telah berjaya merekodkan sebanyak 91.9 peratus dengan pecahan sebanyak 1,082,932 atau 92 peratus tempat kediaman dan 17,430 pertubuhan mewakili 88.2 peratus telah dilawati bagi melengkapkan data tersebut.

Menurutnya, bagi Negeri Sembilan, operasi banci pertanian telah mencapai 86.3 peratus daripada 37,795 tempat kediaman dan 97.4 peratus daripada 1,017 pertubuhan yang berpotensi menjalankan pertanian telah dilawati.

"Daripada lawatan itu sejumlah 30,749 atau 81.4 peratus tempat kediaman pertanian dan 893 atau 87.8 peratus pertubuhan pertanian daripada jumlah kocoluruhan telah colocai dibanci dengan pencapaian tertinggi membabitkan daerah Jempol dan Rembau.

"Pencapaian ini dapat diperoleh dengan memastikan sekuriti makanan dari daripada semua pihak dan agensi berkaitan.

"Tidak lupa juga *unsung hero* kita yang memastikan khususnya petani, penternak, nelayan serta pertubuhan per-

“ Saya menyeru kepada pengusaha dan pertubuhan pertanian dari semua peringkat memberikan maklumat tepat dan lengkap kepada petugas banci pertanian.”
- Mohd Uzir

tanian," katanya ketika melawat Jeti Nelayan Bukit Palong, di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut beliau berkata, usaha dan libat urus telah dijalankan oleh agensi pertanian di peringkat daerah sekali gus memastikan pengumpulan data pertanian terperinci diperoleh selain tiada pengusaha yang tertinggal dalam liputan banci pertanian tersebut.

Kukuhkan kerjasama

Menurut Mohd Uzir, DOSM juga telah menerima sebanyak 11 lawatan sambil belajar dan kunjungan hormat daripada pelbagai organisasi antarabangsa sepanjang tahun lalu.

Ujarnya, negara yang terlibat antaranya Uzbekistan, Mesir, Vietnam, Qatar, Kemboja, China, Bangladesh, Azerbaijan, Nepal dan Arab Saudi.

Katanya, DOSM turut memainkan peranan penting di peringkat antarabangsa dengan mempengerusikan dan menganjurkan program berekala besar dan kini dalam proses penyediaan memorandum persefahaman (MoU) untuk dimeterai dengan pihak Tajikistan.

"Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen DOSM dalam memperkukuhkan kerjasama antarabangsa dan berkongsi kepakaran dalam bidang statistik.

"Saya menyeru kepada pengusaha dan pertubuhan pertanian dari semua peringkat memberikan maklumat tepat dan lengkap kepada petugas banci per-



Mohd Uzir (dua dari kanan) menerangkan kepada delegasi Uzbekistan mengenai data pertanian 2024 yang direkodkan DOSM.

tanian," tambahnya.

Jelasnya, dapatan banci pertanian yang tepat dan lengkap dapat menyediakan statistik pertanian *real time* (masa nyata), komprehensif dan amat penting bagi tujuan penggubalan dasar serta perancangan bantuan kepada pengusaha pertanian.

Lawatan sambil belajar

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, Uzbekistan juga telah memilih DOSM sebagai destinasi untuk lawatan sambil belajar bagi tujuan pelaksanaan banci per-

tanian di negara mereka tahun depan.

Tambahnya, lawatan sambil belajar itu memberi peluang dan mencipta pengalaman kepada delegasi Uzbekistan mengenai pengoperasian pelaksanaan banci.

"Delegasi Uzbekistan akan turut serta sepanjang sesi lawatan kerja bagi mendalami aspek teknikal dan amalan terbaik yang digunakan oleh DOSM," katanya.

Selain Jeti Nelayan Bukit Palong delegasi turut melawat Lukut Besar, Sungai Rambai, Bakar Arang di Port Dickson.



Pegawai Jabatan Perikanan memberi maklumat kepada beberapa orang nelayan di Jeti Nelayan Bukit Palong, Port Dickson pada Khamis.



Mohd Uzir (tiga dari kiri) bergambar bersama delegasi Uzbekistan.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		36	27-9-24



MUHAMAD AKMAL SALEH

12 tukun tiruan tingkat stok ikan Pulau Dodol

um.m336

JASIN: Sebanyak 12 tukun tiruan (konservasi) yang dilabuhkan di perairan Pulau Dodol di Taman Laut Melaka, akan memulihara tempat pembiakan dan habitat serta menambah populasi ikan di kawasan tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, tukun bernilai RM374,510 juga memastikan pertambahan stok sumber perikanan berada pada ekosistemnya.

Menurutnya, sejak 2008 sehingga kini, sebanyak 78 tukun tiruan telah dilabuhkan di kawasan perairan Pulau Besar dan Taman Laut Melaka dengan nilai RM1.5 juta.

"Kita labuhkan tukun tiruan ini untuk menjaga taman laut kerana mempunyai batu karang yang sangat cantik serta spesies ikan yang jarang-jarang ditemui. Tukun ini akan dapat memulihara habitat ikan dan memastikan peningkatan sumber perikanan.

"Sebelum ini tukun yang telah dilabuhkan mendatangkan hasil ikan yang besar dan penjagaan batu karang," katanya pada Program Melabuhkan Tukun Tiruan di perairan Pulau Dodol, semalam.

Tambah Muhamad Akmal, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan akan melabuhkan unjam di luar kawasan Taman Laut Melaka November ini.

Jelasnya, peruntukan sebanyak RM300,000 telah diluluskan bertujuan meningkatkan sumber perikanan kepada nelayan setempat, selepas mereka dilarang menangkap ikan di kawasan diwartakan.